



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 JUN 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **10 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,156 kes** (95.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 21 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **16 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,572 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 295 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 16 kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** melibatkan dua (2) warganegara Malaysia dan satu (1) bukan warganegara yang merupakan pemastautin tetap. Daripada 13 kes **penularan di dalam negara**, sembilan (9) kes adalah bukan warganegara manakala hanya empat (4) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Kes jangkitan dalam negara (9 kes) di kalangan **bukan warganegara** adalah seperti berikut:

- Selangor: dua (2) kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes ke-8513). Kesemua mereka adalah daripada Kluster Syarikat Pembersihan;
- Negeri Sembilan: enam (6) kes daripada Kluster Pedas;
- Sabah: satu (1) kes daripada saringan tahanan di Pusat Tahanan Sementara Tawau sebelum penghantaran pulang ke Indonesia.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (4 kes) pula adalah seperti berikut:

- Sarawak: dua (2) kes merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes ke-8535). Kedua-dua mereka adalah daripada Kluster Kidurong;
- Melaka: satu (1) kes daripada saringan Orang Kena Tuduh (OKT) yang baru dimasukkan ke lokap;
- Johor: satu (1) kes saringan pra pembedahan di hospital.

Sehingga kini, sebanyak tiga (3) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)

### **DAPATKAN MAKLUMAT COVID-19 YANG SAHIF DAN TERKINI DARI SUMBER YANG DIPERCAYAI**

Bagi mendapatkan maklumat lanjut dan terkini mengenai perkembangan COVID-19 di Malaysia, bolehlah melayari Laman Web COVID-19 iaitu <http://covid-19.moh.gov.my/> . Laman web ini telah mulai beroperasi (*go live*) pada 5 Mei 2020 dan hebahan mengenainya telah diwar-warkan melalui Portal Rasmi KKM dan kemudiannya telah diperluaskan melalui media sosial KKM iaitu *Facebook* KKM, *Telegram*, *Instagram* dan *Twitter*.

Setelah lebih sebulan beroperasi, capaian Laman Web Covid-19 adalah lebih kurang 60,000 pengguna dan kini ia berada di tempat pertama dalam enjin carian *google*. Maklumat lanjut mengenai kejadian COVID-19 di Malaysia boleh juga didapati melalui saluran telegram Kesihatan *Crisis Preparedness and*

*Response Centre* (CPRC) KKM dan juga laman web Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM.

Berikut adalah pautan ke laman web dan media sosial rasmi KKM:

- Laman Web COVID-19 KKM:  
<http://covid-19.moh.gov.my/>
- Laman Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM:  
<https://www.infosihat.gov.my/index.php/wabak-novel-coronavirus-atau-2019ncov>
- *Facebook* KKM:  
<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>
- *Instagram* KKM:  
<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>
- *Twitter* KKM:  
<https://twitter.com/kkmputrajaya>
- *Telegram* CPRC KKM:  
<https://t.me/cprckkm>

Sehingga 20 Jun 2020, statistik daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa tiada pertambahan kertas siasatan baharu yang dibuka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SKMM dalam tempoh lebih 3 minggu yang lepas. Ini menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat telah meningkat akan kepentingan tidak berkongsi berita palsu.

Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya dan boleh menyalurkan maklumat kepada PRP di talian 03-8911 5103 atau layari [www.sebenarnya.my](http://www.sebenarnya.my) untuk menyemak kesahihan berita. Setakat 20 Jun 2020, jumlah layaran portal ini telah mencecah 137.6 juta.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa bahaya jangkitan COVID-19 adalah masih wujud di dalam komuniti. KKM juga menyeru masyarakat agar sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 apabila melakukan aktiviti kunjung-mengunjungi, terutama apabila melibatkan warga emas dan kanak-kanak.

Terus amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

21 Jun 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 21 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	258
<b>SELANGOR</b>	4 (2)	2,025
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	6	1,002
<b>MELAKA</b>	1	256
<b>JOHOR</b>	1	687
<b>PAHANG</b>	0	365
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	1	364
<b>SARAWAK</b>	3 (1)	569
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	0	2,430
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	97
<b>W.P. LABUAN</b>	0	17
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>16 (3)</b>	<b>8,572</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import